

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN  
CHIK [ BALIK PULAU ]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini penyediaan pekerjaan berkemahiran tinggi sesuai dengan saranan Bank Dunia memandangkan kedudukan Malaysia pada kadar 28% pekerja berkemahiran tinggi ke belakang berbanding Singapura 52%.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kerajaan komited untuk mencapai **sasaran 35 peratus pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga menjelang tahun 2030**. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sentiasa berusaha keras dalam merencanakan agenda ini.

KSM melalui TalentCorp telah menjalin kerjasama dengan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Jawatankuasa Jurang Kemahiran Kritikal (*Critical Skills Committee, CSC*) dan Majlis Modal Insan Negara yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk melaksanakan **Kajian Senarai Pekerjaan Kritikal (COL)** berdasarkan konsep dan metodologi dengan kerjasama teknikal bersama Bank Dunia.

Kajian COL mengenalpasti pekerjaan-pekerjaan yang sukar diisi merangkumi keperluan **pekerjaan berkemahiran tinggi atau mahir (*high skilled*) dan separa mahir (*mid-skilled*)**. Selain itu, kajian turut mengenal pasti **kelulusan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merentasi 18 industri ekonomi negara**. Kajian ini dijalankan sejak tahun 2015 dan sebanyak lima (5) penerbitan laporan tahunan telah dihasilkan dengan mengambil kira aspek-aspek amalan terbaik (*best practices*) daripada negara-negara maju seperti United Kingdom (UK), Australia, Kanada dan New Zealand.

Penerbitan COL telah membantu Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan dalam penggubalan dasar pembangunan modal insan negara yang lebih strategik bagi menambah baik keperluan permintaan pasaran pekerjaan terkini, khususnya pekerjaan berkemahiran tinggi.

Melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM), tiga (3) kaedah pelaksanaan latihan iaitu **Sistem Latihan Program Bertauliah**, **Sistem Latihan Dual Nasional** dan **Pengiktirafan Percapaian Terdahulu** dilaksana oleh JPK. **Sehingga 31 Ogos 2021, sejumlah 2,018,739 Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia serta Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia telah dianugerahkan kepada individu yang kompeten melalui ketiga-tiga kaedah pelaksanaan yang dijalankan.**

Di samping itu, JPK turut mentauliah **1,226 Pusat Bertauliah (PB)** di seluruh Malaysia merangkumi **803 PB awam** dan **423 PB swasta**. PB ini menyediakan pelbagai program latihan kemahiran berpandukan **Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)** yang dibangunkan oleh industri.

Sebanyak **2,026 NOSS** telah dibangunkan oleh JPK dengan kerjasama industri meliputi 21 Seksyen berdasarkan aktiviti ekonomi seperti mana yang dinyatakan dalam Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008. Golongan belia khususnya dan rakyat Malaysia amnya amatlah dialu-alukan untuk menyertai program-program TVET yang ditawarkan oleh PB tersebut.

Kementerian melalui PSMB juga melaksanakan program latihan di bawah **Skim Geran Majikan** dan **Skim Inisiatif Strategik (Strategic Initiative Scheme)** yang memberi fokus kepada peningkatan kemahiran dan kebolehpasaran modal insan negara. **Bagi tahun 2020, PSMB telah melatih seramai 43,428 pekerja** untuk menghadiri program persijilan yang diiktiraf oleh industri bagi meningkatkan kemahiran mereka untuk menjadi pekerja mahir. Manakala, bagi **tahun ini setakat 31 Ogos 2021, seramai 51,247 pelatih** telah berjaya menamatkan latihan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI  
HAJI ABDUL KARIM [ BATANG LUPAR ]**

**TARIKH : 15.9.2021 (RABU)**

**SOALAN NO. 23**

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimana Kementerian dapat mengawal kebanjiran kit ujian kendiri COVID-19 di pasaran terutama secara online yang berkemungkinan sebahagiannya adalah palsu dan apakah mekanisme kawalan harga bagi mengekang harga yang terlalu tinggi mencecah RM40 untuk satu set yang dikira membebankan.

**JAWAPAN:**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian akan mengambil tindakan berkaitan penjualan kit ujian kendiri COVID-19 yang palsu terutama di pasaran online di bawah Akta Cap Dagangan 2019 ke atas mana-mana peniaga yang didapati menjual atau menawarkan untuk jualan barang-barang yang suatu cap dagang berdaftar dipakaikan dengan salah dan apabila disabitkan boleh didenda seperti berikut:

- a) Individu: Denda tidak melebihi RM10,000.00 bagi setiap barang yang memakai cap dagang secara salah
- b) Syarikat: Denda tidak melebihi RM15,000.00 bagi setiap barang yang memakai cap dagang secara salah

Kementerian telah menjalankan pemeriksaan dan pemantauan ke atas harga kit ujian kendiri COVID-19 di pasaran. Pada 15 hingga 31 Ogos 2021, iaitu sebelum harga maksimum ini diwartakan, sebanyak 2,145 jumlah pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara merangkumi Farmasi dan Klinik Swasta. Pemeriksaan dijalankan bagi memastikan pematuhan harga dan bekalan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Setelah kajian dilaksanakan serta mengambil kira beberapa faktor antaranya kos pengeluaran dan kos pengimportan, Kementerian telah menetapkan harga maksimum kit ujian kendiri COVID-19 pada harga RM16.00 seunit bagi borong dan RM19.90 seunit bagi runcit. Harga

maksimum ini telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 5 September 2021. Jadi tidak timbul isu perbezaan harga di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Penetapan harga maksimum ini adalah pada harga yang dikirakan munasabah dan kementerian mengambil pendekatan menang – menang (win – win situation) antara industri dan pengguna. Dengan penetapan harga sebegini, isu pemberian subsidi kepada kit ujian kendiri COVID-19 tidak timbul.

Sekian, terima kasih.